

# NOTIS KE-38

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**BURSA MALAYSIA BERHAD** (30632-P)  
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 (AGM) Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Nexus Ballroom 2 & 3, Aras 3A, Connexion@Nexus, No. 7, Jalan Kerinchi, Bangsar South City, 59200 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 31 Mac 2015, pada jam 10.00 pagi untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkaitan dengannya.
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat berkenaan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. **Resolusi 1**
3. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 69 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
  - (1) Dato' Saiful Bahri bin Zainuddin **Resolusi 2**
  - (2) Encik Ghazali bin Haji Darman **Resolusi 3**
  - (3) Datuk Karownikaran @ Karunakaran a/l Ramasamy **Resolusi 4**
  - (4) Datuk Chay Wai Leong **Resolusi 5**
4. Untuk memilih semula Encik Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar yang bersara menurut Artikel 76 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. **Resolusi 6**
5. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah-pengarah berjumlah RM150,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM100,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. **Resolusi 7**
6. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 8**
7. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 1965 dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 49A (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34 (1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 24 Mac 2015. Hanya seorang pendeposit yang nama mereka terdapat dalam Rekod Pendeposit setakat 24 Mac 2015 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihak beliau.

## NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir sebanyak 18 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat berkaitan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (Dividen) di bawah Resolusi 1 di Mesyuarat Agung Tahunan ke-38 Syarikat, dividen yang akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 16 April 2015. Tarikh kelayakan untuk Dividen tersebut adalah pada 3 April 2015.

Pemegang-pemegang saham Syarikat akan layak untuk menerima Dividen untuk:

- (a) sekuriti yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti mereka sebelum jam 4.00 petang pada 3 April 2015 bagi pindahan; dan
- (b) sekuriti yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS 006674  
Hong Soo Yong, MAICSA 7026744  
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
3 Mac 2015